

Pastikan semangat perjuangan

UM 2 1 JUN 2009

KUALA LUMPUR 20 Jun — Seluruh ahli UMNO perlu memastikan semangat perjuangan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dihayati dan diwaktikkan samnai bila-bila bagi memastikan parti itu terus mampu membela bangsa Melayu dan agama.

Pengemsi Badan Perhubungan UMNO Perak, Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali berkata, kepimpinan berwawasan Dr. Mahathir selama lebih dua dekad menerajui negara realitinya berjaya meletakkan Malaysia dalam tahap pencapaian negara yang maju hari ini.

Katanya, dengan semangat, kekuatan minda dan jati diri yang telah diasah dan diasuh oleh Presiden UMNO itu selama ini, orang Melayu tidak harus dilihat sebagai bangsa yang lemah dan hilang pedoman apabila berlaku peralihan pucuk pimpinan nanti.

Dalam aspek ini, katanya, pengalaman Dr. Mahathir memang diakui kerana telah mengharungi segala macam masalah dan rintangan yang sesetengahnya di luar jangkauan akal orang lain untuk meramalkan kemungkinan, kemudaratannya dan cara paling berkesan untuk mengatasinya.

“Dr. Mahathir membuat keputusan untuk bersara setelah penuh yakin bahawa kita telah diletakkan atas

landasan yang betul dan kukuh serta amat yakin barisan pengganti yang disediakannya selama ini cukup bersedia dan berupaya meneruskan perjuangan yang belum selesai ini.

“Kita wajib menyambut keyakinan Datuk Seri Presiden ini dengan dua kali yakin, iaitu pertama kita perlu yakin boleh meneruskan perjuangan yang telah diasaskan oleh Dr. Mahathir.

*Dan kedua, kita perlu yakin untuk boleh meyakinkan Presiden kita bahawa beliau telah membuat satu keputusan yang tepat dan betul,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika membahaskan ucapan dasar Presiden pada Perhimpunan Agung UMNO ke-54 di Pusat Dagangan Dunia Putra hari ini.

Dr. Mahathir akan melepaskan jawatan Perdana Menteri dan Presiden UMNO kepada timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi Oktober ini.

Tajol Rosli berkata, pengganti yang diumumkan oleh Dr. Dr. Mahathir iaitu Abdullah perlu diberi sokongan walau dengan apa cara sekalipun.

“Perlu diingat bahawa proses peralihan ini sedang diperhatikan dari jauh dan dekat oleh pelbagai golongan.

PM dihayati dan dipraktik

Oleh itu sokongan padu perlu diberikan kepada Pak Lah (Abdullah). Sokongan ini sebenarnya lebih merupakan nafas dan nadi kesinambungan UMNO dan bangsa Melayu,” katanya.

Sebagai menghargai sumbangan dan jasa kepimpinan Dr. Mahathir kepada parti dan negara, beliau turut membacakan puisi untuk Presiden UMNO tersebut iaitu:

Bangsaku Melayu hanya satu
Tapi mgamnya beribu-ribu
Diberi yang ini, hendak pula yang itu
Diajak ke sini ada yang ke situ
...mujurlah Dr. Mahathir kuat daya penyatu
Supaya boleh maju
Ada yang kata tak perlu
Buat apa susah-susah baca buku
Bukan nak capai sijil gred satu
Peluang kerja dah sedia menunggu
...Namun Dr. Mahathir terus terapkan budaya ilmu
...tanpa jemu
Jagalah disiplin, erat bersatu
supaya maruah bangsa diangkat ke mercu
Tapi masih ramai tak buat begitu
Kerana pangkat dan habuan sanggup berseteru

*Khidmat tak seberapa
lebihkan ampu*

*...Nasib baik Dr. Mahathir
bijak meneraju*

*Kini bangsaku akan kehilangan
ketua nombor satu*

*Bakal pengganti sudah di-
tentu*

Yang pergi ditangis sedu

*Yang ganti disambut gan-
dingan padu*

Kita perlu buat begitu

*Kerana masih banyak tugas
besar yang menunggu*

*Bangsaku Melayu hanya
satu*

Agama bangsaku juga satu

*Tetapi kenapa yang satu
susah diajak bersatu? .*